



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغِيرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

05 ZULHIJAH 1447H/ 22 MEI 2026M

“HARI ARAFAH: HARI KEBESARAN UMAT ISLAM SEDUNIA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

...الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ
الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

JAMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Bertakwalah kita kepada Allah SWT dengan takwa yang sebenar-benarnya, yakni dengan mentaati segala yang diperintah oleh Allah SWT dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Sesungguhnya semulia-mulia hamba oleh Allah SWT ialah orang yang paling bertakwa. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh menghapuskan pahala ibadah kita. Sebaliknya, mendengar khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Bersempena dengan bulan Zulhijah atau bulan Haji yang mulia dan penuh barakah, bulan yang menghimpunkan jutaan umat Islam di Tanah Suci Makkah untuk melaksanakan ibadah Haji di Makkah al-Mukarramah, khatib ingin

mengajak jamaah Jumaat dikasihi untuk bersama-sama kita memahami dan menghayati isi khutbah yang bertajuk: ***“Hari Arafah: Hari Kebesaran Umat Islam Sedunia.”***

JAMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT,

Hari Arafah bukanlah hari biasa, sebaliknya antara hari yang paling istimewa dalam Islam. Hari yang penuh keberkatan ini, amat bermakna buat umat Islam, khususnya bagi mereka yang menunaikan, ibadah Haji di Makkah al-Mukarramah. Hari Arafah disambut pada 9 Zulhijah setiap tahun. Ketika itu, umat Islam yang menunaikan ibadah haji akan berwukuf iaitu berhenti atau berada seketika di Padang Arafah. Wukuf di Arafah merupakan rukun haji yang pertama. Pada hari yang mulia diturunkan ayat al-Quran yang menjelaskan bahasa Islam ialah agama yang sempurna, Allah SWT telah mencukupkan nikmat dan Islam agama yang diredai oleh Allah SWT. Dalam firman Allah SWT melalui surah al-Maidah, ayat 3 yang telah disebutkan pada mukaddimah sebentar tadi **yang bermaksud:** *“...Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang dia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah dia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

Iniilah antara keistimewaan dan kebesaran Hari Arafah kepada umat Islam kerana Allah SWT menganugerahkan kepada kita agama Islam yang sempurna serta lengkap dengan syariat dan ajarannya. Selain itu, Allah SWT mengurniakan pelbagai nikmat kehidupan yang serba lengkap, di

samping menjadikan agama Islam sebagai agama yang diredai di sisi-Nya.

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Ketahuilah, bahawa pada Hari Arafah merupakan hari yang menyaksikan kesempurnaan agama Islam, daripada Saidina Umar bin al-Khattab *Radiallahu'anhu* bahawa seorang lelaki telah bertanya kepadanya **yang bermaksud:** *“Wahai Amirul Mukminin, satu ayat di dalam kitab kamu (al-Quran) yang kamu membacanya. Jika ke atas kami sekalian bangsa Yahudi maka kami akan mengambil hari tersebut sebagai perayaan. Umar bertanya: Apakah ayat itu? Dia berkata: “Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”. Umar berkata: Kami telah ketahui hari tersebut dan tempat turun ayat tersebut ke atas Nabi SAW ketika baginda SAW berdiri di Arafah pada Hari Jumaat.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Selain itu, terdapat beberapa kelebihan dan keutamaan amal soleh dan amal ibadah yang disyariatkan serta dianjurkan umat Islam melakukannya pada Hari Arafah di bulan Zulhijah, antaranya:

Pertama: Hari Arafah ialah hari raya umat Islam. Daripada Uqbah bin Amir *Radiallahu'anhu*, bahawa Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Hari Arafah, Hari Korban serta hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijah) adalah hari raya kita orang Islam dan adalah hari makan dan minum”.* (Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi dan al-Nasa'ie).

Kedua: Hari Arafah juga disebut sebagai hari penyaksian. Daripada Abu Hurairah *Radiallahu'anhu*, bahawa Nabi SAW bersabda:

الْيَوْمَ الْمَوْعُودُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَالْيَوْمَ الْمَشْهُودُ يَوْمَ عَرَفَةَ، وَالشَّاهِدُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ.

Maksudnya: *“Hari yang dijanjikan adalah hari Kiamat, hari Mayshud adalah hari Arafah serta al-Syahid adalah hari Jumaat”.* (Riwayat al-Tirmizi).

Sebagai hari penyaksian kerana Allah SWT mengambil perjanjian setia daripada zuriat Nabi Adam A.S, sebagaimana sabda Rasulullah SAW, **yang bermaksud:** *“Sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian setia di Arafah daripada zuriat yang berada dalam tulang belakang Nabi Adam dan mengeluarkan zuriat itu dihadapannya seperti biji-bijian, kemudian Allah berkata kepada mereka dengan firman-Nya: “Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka menjawab: Benar (Engkaulah Tuhan kami) kami menjadi saksi,” yang demikian itu supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: “Sesungguhnya kami lalai (tidak diberi peringatan) mengenai (hakikat tauhid) ini.”* (Riwayat Ahmad)

Ketiga: Keutamaan amalan berdoa di hari Arafah. Arafah adalah tempat berdoa paling mustajab. Doa adalah senjata orang beriman dan Allah SWT sangat suka kepada hamba-Nya yang sentiasa berdoa, memohon dan meminta kepada-Nya segala hajat, sama ada memohon rezeki, kehidupan bahagia dunia akhirat, keselamatan, Kesihatan, keampunan daripada segala dosa dan sebagainya. Doa juga adalah tanda kita adalah hamba-Nya yang lemah dan serba kekurangan, kerana itu marilah kita manfaatkan kelebihan berdoa pada Hari Arafah, walau di manapun kita berada semasa Hari Arafah tersebut. Daripada ‘Amr bin Syu’aib *Radiallahu’anh* daripada bapanya, daripada datuknya bahawa Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Sebaik-baik doa ialah doa pada hari Arafah. Dan sebaik-baik (zikir) yang dilafazkan oleh aku dan para Nabi sebelumku ialah (Kalimah Tauhid); “Tiada Tuhan selain Allah, satu-satunya Dia sahaja tiada sekutu bagi-Nya. Hanya milik-Nya segala*

Kerajaan dan hanya milik-Nya jua segala pujian dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu”. (Riwayat al-Tarmizi)

Keempat: Puasa pada Hari Arafah adalah sunat bagi umat Islam yang tidak mengerjakan ibadah Haji. Inilah peluang kita membersihkan diri dari segala dosa yang kita lakukan kerana ganjaran puasa Hari Arafah itu menghapuskan dosa setahun sebelum dan selepas. Daripada Abu Qatadah *Radiallahu’anh*, bahawa Rasulullah SAW bersabda apabila ditanya tentang puasa pada hari Arafah **yang bermaksud**: *“Puasa pada hari Arafah, Aku berharap pada Allah agar dihapuskan dosa yang sebelum dan selepas tahun itu.”* (Riwayat Muslim)

Kelima: Hari Arafah ialah hari keampunan dan pelepasan dari api neraka. Oleh itu, ambillah peluang ini untuk kita bertaubat, beristighfar memohon keampunan sebanyak-banyaknya kerana rahmat dan keampunan Allah SWT terbuka luas kepada hamba-Nya yang bertaubat dan Hari Arafah adalah hari pelepasan dari seksa api neraka. Daripada Saidatina Aisyah *Radiallahu’anha*, bahawa Nabi SAW bersabda **yang bermaksud**: *“Tidak ada satu hari yang lebih banyak dibebaskan hamba-Nya daripada api neraka melainkan pada Hari Arafah.”* (Riwayat Muslim).

Berdasarkan mafhum hadis bahawa Hari Arafah merupakan hari yang sangat istimewa, sebagaimana istimewanya malam al-Qadar pada bulan Ramadan, Hari Jumaat, Hari Raya Aidilfitri pada bulan Syawal dan sebagainya. Oleh itu, sebagai umat Islam yang mendambakan kebahagiaan di dunia dan akhirat, marilah bersama-sama berusaha sungguh-sungguh untuk merebut peluang dan kesempatan yang penuh keberkatan ini. Peluang yang datang, tidak selalu kita temui.

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Sebagai kesimpulan, semoga pengajaran daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis dapat membimbing kita menuju kehidupan yang sejahtera serta diredai Allah SWT di dunia dan akhirat. Marilah kita merebut ganjaran pahala yang besar, khususnya pada Hari Arafah yang merupakan antara hari paling mulia dalam Islam. Bagi para jamaah haji, hari tersebut adalah merupakan kemuncak ibadah haji yang mana jutaan umat Islam dari seluruh pelosok dunia mengerjakan ibadah Haji berhimpun di Padang Arafah, Makkah al-Mukarramah. Manakala, bagi umat Islam yang tidak menunaikan haji, ia menjadi peluang untuk memperbanyakkan doa, zikir, istighfar dan melaksanakan puasa sunat Arafah. Sesungguhnya beruntunglah orang yang sentiasa merebut peluang untuk beramal soleh, membaca al-Quran, berzikir, berqiamullail, beristighfar, berdoa, berpuasa sunat Hari Arafah, bertakbir, bertahmid, bertasbih dan sebagainya semata-mata ikhlas kerana Allah SWT. Firman Allah SWT melalui surah al-Baqarah, ayat 148:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا
 إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Maksudnya: “Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada Hari Kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
 وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
 هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
 وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang yang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami

daripada sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal Hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com